

15/03/1998

Menyahut saranan PM

Zulkofli Jamaludin

PERTEMUAN dengan seorang juruterbang Australia, John Johanson, yang membuat penerbangan solo mengelilingi dunia, menimbulkan minat Syed Abdul Hadi Syed Hussein untuk melakukan perkara yang sama.

Pertemuan itu terjadi secara kebetulan di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Sungai Besi, tiga tahun lalu.

Setahun selepas itu, kedua-duanya bertemu lagi dan kali ini Johanson bukan saja menceritakan pengalaman membuat penerbangan itu, malah bersetuju memberi khidmat nasihat bagi membolehkan Abdul Hadi memenuhi impiannya menerbangkan pesawat merentasi tiga benua - Asia, Afrika dan Eropah.

Abdul Hadi mengakui pengalamannya masih cetek, tetapi itu tidak menghalangnya kerana selagi ada kemahuan, pasti ada jalan.

Berpegang pada pepatah itulah, beliau terus menimba pengalaman dan membuat penyelidikan selama setahun sebagai persiapan untuk membuat penerbangan solo merentasi tiga benua dengan menggunakan pesawat buatan Malaysia - Eagle 150.

Menurut Abdul Hadi, projek penerbangan solo itu juga selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar lebih ramai rakyat menyertai industri penerbangan.

"Hasrat itu sudah menampakkan kejayaan awal apabila Syarikat Eagle Aircraft bersetuju menaja pesawat Eagle 150 dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan serta Kelab Rekreasi Udara Johor.

"Ini bukanlah tugas mudah kerana saya terpaksa bergerak seorang diri untuk mendapatkan tajaan dalam kegawatan ekonomi sekarang, walaupun mendapat kerjasama kelab dan kementerian," katanya.

Bagaimanapun, usaha keras sejak dua tahun lalu sudah menampakkan kejayaan apabila beberapa pihak menyatakan sokongan dan memberi komitmen untuk menaja penerbangan itu.

Mengimbas pengalamannya, Abdul Hadi berkata, beliau memang minat menyertai kegiatan mencabar yang menuntut ketekunan dan komitmen sebelum mengecapi sesuatu kejayaan.

"Selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia, saya mengambil sijil hotel dan katering, tetapi kerjaya itu bertentangan dengan naluri yang sentiasa ingin sesuatu yang mencabar," katanya.

Berikutan itu, beliau mengambil Lesen Juruterbang Swasta pada 1993 dan setahun kemudian mengambil Lesen Penerbangan Komersil.

Menurutnya, penubuhan Program Rakan Muda Rekreasi membuka peluang lebih luas untuk menceburi bidang itu selepas beliau dipilih menjalani kursus intensif pemasangan, penyelenggaraan pesawat dan pengurusan kelab di Oushkosh, Wisconsin, Amerika Syarikat pada 1996.

"Menerbangkan pesawat ringan bukanlah satu tugas yang mudah kerana saiznya lebih kecil dan tidak mempunyai alat bantuan penerbangan kecuali berdasarkan peta dan pengetahuan penerbangan.

"Tugas ini mencabar dan menyebabkan seseorang juruterbang 'kebas punggung', apa lagi dalam penerbangan merentas benua ini saya perlu mengambil masa 60 hari," katanya ketika ditemui di Persatuan Pesawat Terbang Eksperimen Malaysia, Sungai Besi.

Menurutnya, setakat ini beliau pernah menerbangkan pesawat dari pameran udara U-Tapau, Thailand yang mengambil masa tiga hari.

Pengalaman berhenti di tiga lapangan terbang di Thailand - Huahin, Surathani dan Phuket - boleh dijadikan asas untuk melakukan penerbangan

solo merentasi tiga benua.

"Saya berharap dapat menempuhi cabaran ini dengan sabar untuk membuktikan rakyat Malaysia juga mampu mencipta nama pada peringkat antarabangsa," katanya.

Abdul Hadi yang bertugas sebagai Perunding Perhubungan Awam berkata, sepanjang perjalanan itu beliau juga akan mempromosi imej generasi muda negara, termasuk dari segi semangat juang, disiplin, perwatakan dan semangat persaudaraan sejagat.

"Penerbangan ini adalah contoh terbaik program Rakan Muda yang ingin dikongsi bersama dengan generasi muda tempatan dan antarabangsa.

"Usaha ini diharap menjadi contoh kepada peserta Rakan Muda untuk menyambut seruan 'Malaysia Boleh' dan yakin dengan kemampuan serta kebolehan diri," katanya.

Menerusi penerbangan itu juga, beliau akan mempromosi Sukan Komanwel yang akan diadakan September depan.

Beliau kini menjalani latihan penerbangan dua hingga tiga jam seminggu, tetapi dalam tempoh sebulan ini perlu bekerja keras untuk mencari penaja bagi membiayai penerbangan itu.

"Sejak dua bulan lalu saya bekerja 18 jam sehari untuk memastikan hasrat mencipta nama sebagai juruterbang pertama negara menerbangkan pesawat buatan Malaysia menjadi kenyataan.

"Selain pesawat, saya mencari tajaan RM500,000 untuk membiayai kos penerbangan, penginapan, makanan, navigasi, komunikasi, penyelenggaraan, kecemasan dan perubatan," katanya.

(END)